

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rasionalnya peruntukan terhadap persatuan belia dipotong serta nyatakan hala tuju belia yang telah direncanakan oleh pihak Kementerian untuk memberi gambaran terhadap masa depan belia negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan belia tidak dipotong tetapi telah diselaraskan dan distrukturkan semula. Kementerian Belia dan Sukan ingin memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program dan bukan sahaja kepada peruntukan berdasarkan kepada wang pentadbiran. Perbezaannya, kini, Kementerian memfokuskan kepada pertubuhan belia itu untuk melaksanakan program di peringkat akar umbi dan untuk memberikan kertas kerja yang boleh diaudit selepas itu, yang akhirnya membolehkan wang tersebut dapat disalurkan kepada aktiviti yang produktif. Jika dibandingkan dengan wang pentadbiran semata-mata, di mana, di setiap daerah menempatkan enam (6) hingga sepuluh (10) pertubuhan belia, dan mereka mahukan pejabat mereka yang tersendiri. Mereka juga mahukan pekerja yang tersendiri tetapi akhirnya wang

SOALAN NO : 2

tersebut yang boleh dikongsikan bersama, tidak dapat dibelanjakan untuk pelaksanaan program di peringkat akar umbi.

2. Untuk membantu pertubuhan-pertubuhan belia, khususnya di peringkat negeri dan daerah, Kementerian Belia dan Sukan akan memberikan diskaun jika mereka ingin menggunakan pakai infrastruktur atau fasiliti di bawah Kementerian Belia dan Sukan, supaya pertubuhan belia tidak perlu menyewa pejabat-pejabat di luar.
3. Dari segi pegawai yang bertugas, pertubuhan belia boleh berkolaborasi dengan lebih rapat dengan pegawai Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) di peringkat daerah berbanding untuk melantik pegawai-pegawai dalam kalangan mereka sendiri. Perkara ini dapat memastikan bahawa wang pentadbiran yang sebelum ini sukar untuk diaudit, akhirnya boleh disalurkan semula kepada pelaksanaan program yang dapat dirasai oleh semua anak muda di kawasan tersebut.
4. Kementerian juga ingin membuat satu sistem insentif di mana untuk pertubuhan belia, sejajar dengan arus masa dan perubahan, mereka perlu melibatkan lebih banyak wanita dalam struktur kepimpinan. Pada masa yang sama Kementerian juga ingin memberikan insentif bagi pertubuhan belia yang memberanikan diri untuk melantik atau memilih lebih banyak anak muda di bawah umur 30 tahun dan menyerapkan mereka ke dalam struktur pentadbiran pertubuhan belia tersebut. Dengan itu, hala tuju pada tahun hadapan, Kementerian akan berunding dengan setiap satu pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dan untuk memberikan insentif bagi pertubuhan belia yang melantik wanita dan anak muda dan diserapkan dalam struktur kepimpinan di bawah umur 30 tahun serta pada masa yang sama fokus kepada pelaksanaan program, *paperwork-based* jika dibandingkan dengan wang pentadbiran semata-mata.

Sekian, terima kasih.